

30/09/1997

Laluan Trans-Asia mula dibincang

KUALA LUMPUR, Isnin - Mesyuarat Kumpulan Kerja Khas bagi Laluan Trans-Asia, bermula hari ini akan memilih satu daripada tiga rangkaian kemungkinan laluan kereta api menghubungkan Singapura ke Kunming di selatan China sebagai langkah awal merealisasikan projek mega itu.

Pemilihan rangkaian terbaik itu perlu dipilih segera supaya selaras dengan matlamat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan projek itu menjadi kenyataan secepat mungkin.

Laluan yang dijangka menjadi pilihan pakar pengangkutan itu ialah Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok-Poipet-Sisophon-Phnom Penh-Lok Ninh-Ho Chi Minh City-Hanoi-Kunming.

Rangkaian laluan itu dikatakan sebagai pilihan terbaik untuk menjadikan projek Trans-Asia sebagai kenyataan dalam jangka masa singkat kerana ia melalui permukaan tanah rata dan hanya mempunyai dua jurang, membabitkan 48km jurang di antara Poipet dan Sisophon dan 450km di antara Phnom Penh, Lok Ninh dan Ho Chi Minh City.

Perkara itu menjadi agenda utama dalam laporan pembukaan yang membabitkan fasa pertama projek itu yang dikendalikan oleh konsortium perunding yang dilantik oleh kerajaan.

(END)